

TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI

KELUARAN : OGOS 2026

**TAJUK : ETIKA EJEN CUKAI:
MEMPERKASAKAN INTEGRITI SISTEM PERCUKAIAN
NEGARA**

Info Cukai

Oleh: HASIL

Etika Ejen Cukai **Memperkasakan Integriti Sistem Percukaian Negara**



Sistem percukaian yang berkesan bukan sahaja bergantung pada undang-undang yang mantap dan pentadbiran yang cekap, malah turut memerlukan kerjasama dan pematuhan daripada semua pihak yang terlibat. Dalam era Sistem Taksir Sendiri (STS), pembayar cukai bertanggungjawab melaporkan pendapatan dan mengira cukai secara tepat. Keadaan ini menjadikan peranan ejen cukai semakin penting sebagai penasihat profesional yang membantu memastikan urusan percukaian dilaksanakan secara teratur, telus dan mematuhi kehendak undang-undang.

Profesion ejen cukai di Malaysia bukan sekadar melibatkan pengiraan cukai, penyediaan borang atau pemfailan dokumen percukaian. Sebaliknya, profesion tersebut menuntut tahap integriti, profesionalisme dan kebertanggungjawaban yang tinggi dalam mengurus amanah dan hal ehwal percukaian pembayar cukai, sekali gus menyokong kelancaran sistem percukaian negara.

Di bawah subseksyen 153(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, seseorang individu hanya dibenarkan menjalankan profesion sebagai ejen, konsultan atau penasihat cukai bagi mewakili pembayar cukai untuk tujuan di bawah akta tersebut sekiranya individu berkenaan merupakan seorang akauntan profesional atau individu yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 153(3) ACP 1967. Peruntukan ini menunjukkan bahawa profesion ejen cukai merupakan satu profesion yang dikawal selia dan tertakluk pada syarat tertentu bagi memastikan hanya individu yang berkelayakan dibenarkan menjalankan tugas tersebut.

Sehubungan dengan itu, individu yang menjalankan aktiviti sebagai ejen, konsultan atau penasihat cukai tanpa kelulusan boleh disifatkan melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan 120(1)(d) ACP 1967. Kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, tindakan ejen cukai yang membantu atau memberikan nasihat dalam penyediaan apa-apa penyata yang menyebabkan taksiran cukai dilaporkan lebih rendah daripada jumlah sebenar merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 114(1A) ACP 1967. Kesalahan tersebut memperuntukkan hukuman denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Kod Etika Ejen Cukai

Bagi memastikan profesion ejen cukai terus mengekalkan standard profesionalisme yang tinggi, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) memperkenalkan Kod Etika Ejen Cukai sebagai panduan kepada ejen cukai dalam mengendalikan urusan pelanggan dan berinteraksi dengan HASiL. Kod Etika ini diwujudkan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan berteraskan nilai integriti yang tinggi, sekali gus memupuk amalan percukaian yang baik dan meningkatkan tahap pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai.

Kod Etika Ejen Cukai berteraskan empat prinsip utama, iaitu integriti, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kecekapan. Integriti menuntut kejujuran dan amanah dalam pelaksanaan tugas, manakala kebertanggungjawaban memastikan setiap tindakan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa. Ketelusan pula menekankan supaya setiap urusan dilaksanakan secara jelas dan beretika, sementara kecekapan menuntut peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran secara berterusan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kekal relevan dan berkualiti. Keempat-empat prinsip ini diterjemahkan melalui tiga kod kelakuan yang merangkumi aspek integriti, kompetensi dan profesionalisme.

Kod Kelakuan Ejen Cukai

(a) Integriti

Integriti merupakan tunjang utama dalam profesion ejen cukai. Seorang ejen cukai hendaklah sentiasa bersikap jujur, amanah dan telus dalam melaksanakan tugas, serta memberikan kerjasama sepenuhnya ketika berurusan dengan HASiL. Maklumat yang dikemukakan kepada HASiL hendaklah berdasarkan rekod dan fakta yang disediakan oleh pelanggan, serta diyakini tepat mengikut pengetahuan ejen cukai. Pada masa yang sama, ejen cukai bertanggungjawab menjaga kerahsiaan maklumat pelanggan dan memastikan maklumat tersebut hanya digunakan bagi tujuan percukaian yang dibenarkan oleh undang-undang.

Ejen cukai juga perlu mengelakkan sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa atau perlakuan yang boleh menjejaskan integriti profesion. Antaranya termasuklah tidak menyalahgunakan wang yang diamanahkan bagi tujuan pembayaran cukai, tidak membenarkan nombor kelulusan ejen cukai digunakan oleh pihak lain, tidak menggunakan pengaruh luar untuk mendapatkan layanan istimewa, serta tidak terlibat dalam apa-apa rancangan atau skim percukaian yang bercanggah dengan undang-undang. Selain itu, ejen cukai hendaklah memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap undang-undang pencegahan rasuah dan mengelakkan sebarang perlakuan yang boleh menjejaskan integriti profesion.

(b) Kompetensi

Kompetensi merujuk keupayaan ejen cukai melaksanakan tugas secara profesional, tepat dan berkesan. Memandangkan undang-undang dan peraturan percukaian sentiasa berkembang, ejen cukai perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar kekal relevan dengan perubahan semasa. Mereka perlu memastikan setiap pengiraan cukai dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan hanya mengendalikan kes yang berada dalam bidang kepakaran masing-masing. Di samping itu, ejen cukai juga perlu memastikan kakitangan yang membantu mengendalikan urusan pelanggan memiliki latihan dan kemahiran yang mencukupi.

Setiap jawapan yang diberikan kepada HASiL perlu tepat, lengkap dan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan. Begitu juga dengan setiap rayuan yang dikemukakan perlu mempunyai asas yang kukuh, dan disokong oleh fakta dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya. Dengan pengetahuan yang sentiasa dipertingkatkan dan kemahiran profesional yang mantap, ejen cukai berupaya memberikan nasihat yang tepat dan membantu pelanggan membuat keputusan percukaian yang selaras dengan kehendak undang-undang semasa.

(c) Profesionalisme

Profesionalisme dalam profesion ejen cukai melangkaui aspek teknikal percukaian semata-mata. Ejen cukai turut memainkan peranan penting dalam mendidik pelanggan mengenai hak, tanggungjawab dan kewajipan sebagai pembayar cukai. Mereka perlu membantu pelanggan memahami kepentingan menyimpan rekod yang lengkap dan teratur, khususnya bagi pembayar cukai yang menjalankan perniagaan. Selain itu, pelanggan juga perlu dinasihatkan supaya mematuhi peraturan pembayaran cukai dan melaksanakan tanggungjawab percukaian mengikut kehendak undang-undang. Melalui pendekatan yang profesional, ejen cukai bukan sahaja membantu pelanggan menyelesaikan urusan percukaian, malah turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran dan pembudayaan pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat.

Peranan Ejen Cukai dalam Menyokong Pematuhan Cukai

Di samping melaksanakan tanggungjawab terhadap pelanggan, ejen cukai turut memikul tanggungjawab sosial yang lebih luas kepada negara. Dalam persekitaran sistem taksir sendiri, peranan ejen cukai bukan sekadar memastikan pelanggan mematuhi undang-undang percukaian, malah turut membantu memupuk budaya pematuhan secara sukarela yang menjadi asas kepada keberkesanan sistem percukaian negara.

Sebagai penasihat profesional, ejen cukai perlu memberikan panduan yang tepat dan bertanggungjawab, serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan hasil negara atau mengkhakis keyakinan masyarakat terhadap sistem percukaian. Mereka juga perlu menjadi contoh yang baik kepada pelanggan dengan menggalakkan pelaporan pendapatan yang tepat, penyimpanan rekod yang teratur dan pematuhan terhadap kewajipan cukai yang ditetapkan. Peranan ini menjadikan ejen cukai sebagai komponen penting dalam ekosistem percukaian negara yang membantu mengimbangi kepentingan pembayar cukai, pentadbiran cukai dan pembangunan negara secara menyeluruh.

Tanggungjawab Pembayar Cukai dalam Melantik Ejen Cukai

Bagi memastikan urusan percukaian dikendalikan dengan baik, pembayar cukai juga mempunyai tanggungjawab tersendiri. Pembayar cukai perlu memastikan ejen cukai yang dilantik merupakan individu yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan masih berada dalam tempoh kelulusan yang sah.

Bagi tujuan pengemaskinian rekod, pembayar cukai perlu mengemukakan surat pelantikan ejen cukai dan surat persetujuan pelantikan kepada pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing. Surat tersebut hendaklah mengandungi maklumat lengkap ejen cukai yang dilantik, termasuk nama, nombor pengenalan diri, nama firma, nombor kelulusan, serta maklumat untuk dihubungi.

Pembayar cukai juga digalakkan memastikan semua dokumentasi berkaitan dengan kuasa pemfailan dan perwakilan disempurnakan dengan betul bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam urusan percukaian. Langkah ini penting bagi memastikan urusan percukaian dikendalikan oleh individu yang mempunyai kelayakan dan kuasa yang sah untuk bertindak bagi pihak pembayar cukai.

Urusan Percukaian dengan HASiL

Hanya ejen cukai yang mempunyai kelulusan sah daripada Kementerian Kewangan dibenarkan berunding dengan pegawai HASiL berhubung dengan hal ehwal percukaian pelanggan. Bagi urusan percukaian, staf atau kakitangan firma tidak dibenarkan mewakili ejen cukai dalam rundingan dengan HASiL kecuali dengan kehadiran pembayar cukai. Bagi urusan pentadbiran selain percukaian pula, staf atau kakitangan firma hendaklah mempunyai surat kebenaran atau pengesahan daripada ejen cukai semasa berurusan dengan HASiL.

Selain itu, ejen cukai hendaklah membekalkan nama penuh, nombor kelulusan dan tempoh sah kelulusan dalam setiap komunikasi rasmi kepada HASiL. Mereka juga digalakkan menggunakan Sistem Tax Agent e-Filing (TAeF) melalui gerbang MyTax bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pemfailan cukai pelanggan. Sekiranya seseorang ejen cukai tidak lagi mewakili pelanggan tertentu, perkara tersebut hendaklah dimaklumkan kepada HASiL supaya rekod berkaitan dengannya dapat dikemas kini dengan sewajarnya.

Kesimpulannya, Kod Etika Ejen Cukai bukan sekadar satu set peraturan yang menggariskan tingkah laku profesional, malah menjadi asas yang membentuk kredibiliti profesion ejen cukai di Malaysia. Melalui penghayatan nilai integriti, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kecekapan, ejen cukai dapat melaksanakan peranan dengan lebih berkesan dalam membantu pembayar cukai memenuhi tanggungjawab percukaian masing-masing.

Dalam landskap percukaian yang semakin kompleks dan dinamik, kepercayaan merupakan aset yang amat bernilai. Oleh itu, pematuhan terhadap Kod Etika Ejen Cukai bukan sahaja penting bagi mengekalkan standard profesionalisme dalam profesion tersebut, malah turut menyumbang kepada pengukuhan budaya pematuhan cukai, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem percukaian dan memastikan kelestarian hasil negara bagi menyokong pembangunan pada masa hadapan. 

